

# BIPs diperluas kepada pangkat lain ATM

Insentif berasas prestasi akan dinikmati 3,789 anggota mulai 1 Januari 2026

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju memperluaskan pemberian insentif berasaskan prestasi (BIPs) kepada anggota lain-lain pangkat (ALP) dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim,

Perdana Menteri berkata, ia akan turut membabitkan anggota berpangkat sarjan atau setaraf (Gred Z4) dan staf sarjan atau setaraf (Gred Z5).

Beliau berkata, kerajaan sedar pemberian BIPs yang diberikan ketika ini terhad sehingga Pegawai Waran II setaraf (Gred Z6) dan Pegawai Waran I setaraf (Gred Z7) sahaja, membabitkan mereka yang memenuhi tempoh perkhidmatan enam tahun di gred semasa.

“Jadi kita setuju perluaskan insentif ini kepada anggota lain-lain pangkat ATM iaitu sarjan setaraf (Gred Z4) dan staf

sarjan setaraf (Gred Z5).

Tempoh perkhidmatan yang melayakkan insentif BIPs bagi anggota lain-lain pangkat ATM bagi Gred Z4 hingga Z7 dipendekkan kepada empat tahun daripada enam tahun.

“Insentif ini akan memberi faedah kepada 3,789 anggota dengan implikasi sebanyak RM6.47 juta setahun dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026,” katanya pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPP) XX di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta barisan Menteri Kabinet, antaranya Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan barisan ketua setiausaha kementerian turut hadir.

## Perluas 7 kelayakan masuk

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan memperluaskan tujuh Kelayakan Masuk Pelbagai bagi skim perkhidmatan Askar-Lasykar Angkatan Tetap ATM Gred Z1 (Tugas Khusus) termasuk membabitkan Kor

Perubatan, Kor Agama dan Kor Kejuruteraan.

Dalam amanatnya, Anwar turut merakamkan penghargaan kepada seluruh warga perkhidmatan awam kerana dedikasi mereka melaksanakan tugas meskipun berdepan pelbagai cabaran dan kritikan.

Beliau menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, barisan menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri serta semua pegawai dan kakitangan kerajaan atas sumbangan mereka.

“Saya ingin mengulangi secara ikhlas penghargaan kami kepada saudara-saudara kerana negara kita tidak akan diiktiraf dan mencatat beberapa kejayaan tanpa sumbangan, pengorbanan dan khidmat cemerlang saudara-saudara. Terima kasih banyak,” katanya.

Mengenai MAPP XX, Anwar menyifatkan, himpunan itu mendapat sokongan baik Jemaah Menteri, sekali gus menunjukkan wujud hubungan baik pimpinan negara dan perkhidmatan awam.

“Jarang sekali kita lihat ada pertemuan yang didukung sepenuhnya oleh pimpinan negara. Ini menunjukkan ada sinergi yang baik antara pimpinan negara dan penjawat awam,” katanya.